

# Keserasian bantu atasi krisis 3 negara: Najib

BH- 22/4/2007

## Kerjasama perundangan manfaat Malaysia, Singapura, Brunei

Oleh Veena Rusli dan Hassan Omar

**K**ARAMBUNAI: Pegawai perundangan di tiga negara merangkumi Malaysia, Brunei dan Singapura disaran mengukuhkan rangkaian kerjasama bagi memudahkan penyelesaian pelbagai perkara berkaitan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, persamaan dari segi sistem perundangan berasaskan Undang-Un-

dang Britain wajar dimanfaatkan ke arah memantapkan hubungan sedia ada.

"Keserasian akan membantu kita mencapai kesepakatan dalam hal membabitkan kepentingan bersama di rantau ini.

"Bagaimanapun, ini tidak menolak kerjasama sedia ada pada peringkat Asean," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucapan sempena mesyuarat tahunan kedua Pejabat Peguam Negara Brunei, Malaysia dan Singapura, di sini, semalam.

Hadir sama Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail.

Mesyuarat tiga hari berakhir semalam itu turut dihadiri Ketua Hakim Singapura, Chan Sek Keong; Peguam Negara Brunei, Datuk Paduka Awang Kifrawi Kifli dan Peguam Negara Singapura, Chao Hick Tin.

Terdahulu ketika berucap, Najib berkata pegawai perundangan ketiga-tiga negara perlu seiring dalam menghadapi isu global.

"Kita perlu membentuk kerjasama lebih erat dalam isu melindungi hak wanita, kumpulan minoriti dan kanak-kanak, alam sekitar dan pengendalian ekologi, pekerja asing serta isu lain yang penting bagi kemajuan serta kestabilan di rantau ini," katanya.

Kerjasama berkenaan, katanya, turut diperkukuhkan oleh kesepakatan anggota Asean menerusi Mesyuarat Pegawai Undang-undang Asean (Aslom) membabitkan semua anggota pertubuhan itu.